



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

PENYELESAIAN YANG LEBIH HOLISTIK UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KESINAMBUNGAN EKONOMI DI PASIR GUDANG

28 Jun 2019, Putrajaya – Dalam menangani insiden pelajar sesak nafas di Pasir Gudang yang bermula pada 20 Jun 2019 lalu, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) akan melaksanakan penyelesaian yang lebih holistik untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan kesinambungan ekonomi diteruskan.

Pada ketika ini Pasir Gudang mempunyai sebanyak 2,005 buah kilang berlesen dan 250 daripadanya adalah kilang berasaskan bahan kimia.

Daripada pemantauan bacaan gas yang dibuat ketika insiden gangguan kesihatan di Pasir Gudang baru-baru ini oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS), hanya gas methyl mercaptan telah dikesan. Kehadiran gas ini adalah satu *anomaly* iaitu keadaan yang tidak normal di mana kehadiran gas methyl mercaptan dapat dikesan dalam udara ambien.

Akibat persekitaran pembangunan di Pasir Gudang yang tepu, sebarang *anomaly* seperti ini akan memberi kesan kepada kumpulan yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan penghidap asma.

Dua gas lain yang turut dikesan adalah acrylonitrile dan acrolein. Bagaimanapun, kesan ketiga-tiga gas tersebut iaitu methyl mercaptan, acrylonitrile dan acrolein ini, tidak dikesan dalam sampel darah dan air kencing 10 pesakit daripada lapan (8) buah sekolah yang berbeza.

Sehubungan itu juga, MESTECC telah mengambil langkah-langkah segera untuk melupuskan faktor-faktor penyumbang kepada kehadiran gas-gas tersebut, serta meneruskan usaha-usaha penguatkuasaan dan pemantauan ke atas kilang-kilang berasaskan bahan kimia di sekitar Pasir Gudang.

Secara amnya, pembangunan Pasir Gudang yang tidak lestari atau *unsustainable* ini memberi kesan jangka panjang yang negatif terhadap alam sekitar seperti mana berikut:

Pertama, kepesatan pembangunan dan kepadatan industri kimia yang tinggi di Pasir Gudang menjadi penyumbang utama kepada impak *loading capacity* persekitaran termasuk udara, tanah dan sungai.

Pembangunan tidak lestari ini menyebabkan alam sekitar menjadi tepu dengan pelbagai gas atau wap yang terampai di udara, pelepasan efluen yang tidak dikawal rapi ke perparitan dan saluran sekali gus menyebabkan persekitaran menjadi tidak stabil dan amat sensitif.

Keduanya, pembangunan Pasir Gudang yang tidak lestari juga menyebabkan ketiadaan zon penampan (*buffer zone*) antara industri berasaskan bahan kimia dengan kawasan sekolah, perumahan dan pusat aktiviti masyarakat, sekali gus mendedahkan penduduk Pasir Gudang kepada risiko bencana kimia.

Ketiadaan zon penampan atau *buffer zone* ini menyebabkan terdapatnya sekolah yang kedudukannya amat dekat dengan kilangkilang ini.

MESTECC amat memandang serius mengenai isu kelestarian di Pasir Gudang ini dan antara langkah segera yang akan diambil adalah seperti mana berikut:

- i. Mengadakan analisis *loading capacity* dan *buffer zones* bagi mengurangkan risiko bencana bahan kimia.
- ii. Mewujudkan sistem untuk menentukan *carrying capacity* udara di Pasir Gudang dengan menggunakan kaedah air dispersion modelling seperti mana yang diamalkan oleh negara negara maju.
- iii. Membina stesen pencerapan gas automatik yang dapat memberi amaran awal bencana kimia yang lebih cekap dan pantas. Ini dapat membantu pihak berkuasa untuk bertindak lebih proaktif. Pasir Gudang akan menjadi kawasan industri berat yang pertama di negara ini yang akan mempunyai sistem pemantauan kualiti persekitaran automatik. Reka bentuk struktur dan sistem stesen pemantauan ini akan ditentukan berdasarkan kajian yang akan dijalankan.

“MESTECC menyasarkan kesemua cadangan di atas dapat dilaksanakan dengan kadar segera sebelum hujung tahun ini juga. Kementerian juga akan mengadakan satu sesi *townhall* bersama pihak industri bahan kimia di Pasir Gudang pada Isnin ini, iaitu 1 Julai 2019”, demikian menurut YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam sidang medianya pada hari ini yang dibuat secara bersama dengan YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefli bin Ahmad, Menteri Kesihatan di Kementerian Kesihatan.

YB Puan Yeo Bee Yin turut mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Teknikal dan Saintifik yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang telah bertungkus lumus menyumbang kepakaran mereka dalam membantu mengesan juga memantau bacaan gas yang terampai di persekitaran Pasir Gudang.

Antara jabatan dan agensi Kerajaan yang terlibat termasuklah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Jabatan Kimia, Agensi Angkasa Malaysia

(MYSAs), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Pasukan HAZMAT Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Majlis Perbandaraan Pasir Gudang, Angkatan Pertahanan Awam, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Universiti Teknologi Malaysia.

Manakala pihak swasta pula terdiri daripada PAGEMA (*Pasir Gudang Emergency Mutual Aid*), termasuklah Lotte Titan Chemicals, Chemical Company of Malaysia Sdn Bhd, Arkema Coating Resins Malaysia Sdn Bhd, Petronas Gas Malaysia Bhd, Gas Malaysia Berhad, SaferOne, dan Perkin Elmer.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Puan Mashitah Darus
Pengarah Bahagian Udara
Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel: 03-88712317

En. Sharudin bin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Komunikasi Strategik
Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel: 03-88712371

Puan Normaizatulakmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat,
MESTECC
Tel: 03-88858299

Dikeluarkan pada 28 Jun 2019, 3.00 petang